

**PENGARANG, MEJA BERITA**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

## **KENYATAAN MEDIA**

### **DAPATAN SIASATAN DAN KEPUTUSAN SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN BERHUBUNG DENGAN ISU KEWUJUDAN KARTEL DALAM POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)**

**Putrajaya, Selasa, 22 Februari 2022** - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) mengumumkan telah selesai menjalankan siasatan berhubung pendedahan Tan Sri Abdul Hamid Bador, Ketua Polis Negara (KPN) pada 18 Mac 2021 dan 22 Mac 2021 mengenai wujudnya gerakan daripada sekumpulan pegawai PDRM yang ingin menjatuhkan beliau serta bersekongkol dengan pihak luar sehingga mewujudkan kartel untuk mendominasi PDRM demi kepentingan mereka.

Dapatan siasatan dan keputusan EAIC telah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN).

Berdasarkan kepada keterangan saksi-saksi beserta dokumen yang diperoleh EAIC tidak dapat menentusahkan kewujudan kartel dalam PDRM sebagaimana yang didakwa oleh Tan Sri Abdul Hamid Bador.

Siasatan EAIC mendapati wujud asas bahawa terdapat pegawai PDRM yang terlibat dalam kegiatan sindiket jenayah yang mana siasatan telah dijalankan oleh SPRM dan PDRM ke atas pegawai-pegawai tersebut.

Walau bagaimanapun, dakwaan Tan Sri Abdul Hamid Bador bahawa pegawai-pegawai tersebut dapat mencaturkan perjawatan dalam PDRM untuk menguasai pasukan demi kepentingan peribadi tidak dapat ditentusahkan kerana keterangan yang diperoleh EAIC menunjukkan—

- (a) mekanisme pelantikan/kenaikan pangkat/pertukaran yang diamalkan oleh PDRM dan SPP melibatkan proses yang teliti dan mempunyai beberapa peringkat lapisan yang sukar ditembusi dan dicampur tangan oleh pihak luar;
- (b) KPN merupakan ahli tetap dalam SPP dan sebarang cadangan pelantikan/kenaikan pangkat/pertukaran pegawai kanan PDRM kepada SPP perlu mendapat persetujuan daripada KPN; dan
- (c) kedudukan Tan Sri Abdul Hamid Bador selaku KPN tidak dapat digugat kerana pelantikan KPN adalah berdasarkan kepada perkenan Yang di-Pertuan Agong dan atas nasihat Perdana Menteri.

**SIDEK HASSAN**

Pengerusi

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

22 Februari 2022